


Apa itu Outline Draft?


Outline Draft ialah perisian penulisan yang membantu anda merancang, menyusun dan menulis dokumen secara lebih teratur. Ia direka khas untuk mereka yang menghasilkan dokumen panjang seperti tesis, disertasi, laporan, buku, artikel, tugas dan kertas penyelidikan.



Berbeza dengan editor dokumen biasa yang memaparkan keseluruhan dokumen dalam satu halaman panjang, Outline Draft membolehkan anda membahagikan dokumen kepada bahagian-bahagian kecil yang mudah diurus.

Setiap bab, tajuk dan subtopik boleh ditulis secara berasingan sebelum digabungkan menjadi satu dokumen lengkap.


Menu



Ribbon menu


Anda boleh mengakses pelbagai fungsi melalui dua cara:

1. Ribbon Menu
2. Sub Menu – Klik butang tetikus kanan untuk mengakses sub menu. Sebelum itu anda mesti klik pada salah satu topik yang telah dibina pada Outline.



Sub menu


Kotak Outline



Kelebihan struktur dokumen ialah anda hanya perlu fokus menulis satu bahagian pada satu masa tanpa perlu melihat keseluruhan dokumen yang panjang.

Kenapa dokumen anda mesti ada root?


Jika anda mempunyai pelbagai dokumen yang berbeza tajuk utama, anda boleh asingkan dokumen dengan membina root bagi topik yang berasingan.



Untuk membina Outline node (tree) anda boleh guna Ribbon menu atau Sub menu


Fungsi delete, Bookmarks, Icon dan Move hanya boleh diakses melalui Sub menu.

Kotak Draf



Bagi setiap node (item) dalam kotak Outline, kandungannya boleh dimasukkan secara berasingan menjadikan proses penulisan lebih tersusun, lebih mudah diurus dan kurang membebankan, terutamanya bagi dokumen yang mempunyai banyak topik dan subtopik.

Setiap draf boleh digabungkan menjadi satu fail, kemudian dibuka semula dalam Microsoft Word untuk disunting dan ditambah baik mengikut keperluan format tertentu.




Anda juga boleh mengedit kandungan draf dalam Microsoft word. Untuk mengaktifkan fungsi ini:

1. Klik pada topik di kotak outline
2. Tekan butang tetikus kanan dan pilih '**Edit draft with another editor**'
3. Setelah penyuntingan selesai, tekan butang save pada program Microsoft word dan tutup.
4. Kembali kepada program Outline Draft dan klik sekali lagi pada topik yang disunting tadi untuk mendapat 'update' terbaharu.

AI Assistant (Pre-built prompt)

Outline Draft juga dilengkapi dengan AI Assistant (Prompt editor) yang boleh membantu menjana idea, menyediakan draf awal, memperbaiki penulisan dan membantu mengembangkan kandungan berdasarkan bahagian yang sedang anda tulis.



Sila rujuk pada topik **‘Panduan AI Assistant’** untuk keterangan lengkap bagaimana AI Assistant boleh membantu anda.

Ringkasnya, Outline Draft membantu anda mengubah proses penulisan yang kompleks kepada langkah-langkah kecil yang lebih mudah, sehingga dokumen lengkap dapat dihasilkan dengan lebih cepat dan sistematik.